



SIARAN AKHBAR

*UNTUK SIARAN SEGERA

**PEMBUKAAN LORONG MANUAL RFID
DI PLAZA TOL BANDAR CASSIA KETIKA WAKTU PUNCAK**

BATU KAWAN, PULAU PINANG – 1 Disember 2023: Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB; Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pemegang Konsesi Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah) ingin memaklumkan bahawa **dua (2) lorong manual Pengecaman Frekuensi Radio (RFID) di Plaza Tol Bandar Cassia telah dibuka.**

Dua lorong yang terlibat adalah di **Lorong K23 (Plaza Tol B)** dari arah lebuhraya PLUS ke Bandar Cassia dan **Lorong M4 (Plaza Tol C)** dari Bandar Cassia menuju ke lebuhraya PLUS. Kedua-dua lorong manual RFID ini boleh dilalui pada waktu puncak pada **hari Isnin hingga Jumaat** di sebelah pagi bermula **jam 6.30 pagi hingga jam 9.30 pagi** dan sebelah petang antara **jam 4.30 petang hingga jam 7.00 malam.**

Pembukaan lorong manual berkenaan adalah bertujuan bagi mengurangkan kesesakan trafik pada waktu puncak. Petugas tol akan dilengkapi dengan peranti mudah alih (*portable reader*) di Lorong manual berkenaan untuk mengimbas tag atau pelekat RFID, bagi membantu mempercepatkan transaksi pengguna.

Sehubungan dengan itu, JKSB menasihatkan agar orang ramai dapat memastikan baki di dalam kad atau *e-wallet* sentiasa mencukupi bagi menikmati perjalanan yang lancar. JKSB juga mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama semua pengguna lebuhraya.

Pengguna boleh menghubungi Hotline JKSB di talian 1300-30-2828 untuk mendapatkan maklumat trafik atau ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

- TAMAT -

Info Korporat:

Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) ialah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan, diwujudkan pada Ogos 2008 untuk mereka bentuk, membina, mentadbir dan menyelenggara Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang.

Pertanyaan:

Encik Taha Rusydi Bin Mohd Nazri
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat
Jambatan Kedua Sdn Bhd
012-273 7685

taha_rusydi@jambatankedua.com.my



PRESS RELEASE

***FOR IMMEDIATE RELEASE**

**OPENING OF MANUAL RFID LANES AT
BANDAR CASSIA TOLL PLAZA DURING PEAK HOURS**

BATU KAWAN, PULAU PINANG – 1 December 2023: Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB; a company owned by Minister of Finance Incorporated and a concessionaire of Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bridge) wishes to announce **the opening of two (2) manual Radio-Frequency Identification (RFID) lanes at the Bandar Cassia Toll Plaza.**

The two lanes involved are **Lane K23 (Toll Plaza B)** from the PLUS Highway towards Bandar Cassia and **Lane M4 (Toll Plaza C)** from Bandar Cassia towards the PLUS Highway. Both RFID manual lanes will be accessible during **peak hours from Monday to Friday** in the morning, starting from **6:30 am to 9:30 am**, and in the evening from **4:30 pm to 7:00 pm**.

The opening of the manual lanes is aimed to reduce traffic congestion during peak hours. Toll booth personnel will be equipped with portable readers to scan RFID tags or stickers, and facilitate the acceleration of user transactions.

As such, JKSB advises the public to ensure sufficient balance in their cards or e-wallets to facilitate a seamless journey. JKSB also thanks all highway users for their attention and co-operation.

For traffic updates or emergency assistance, highway users may contact the JKSB Hotline at 1300-30-2828.

- END-

Corporate Info:

Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB), a company owned by Minister of Finance Incorporated, was established in August 2008 to design, construct, manage, operate and maintain the Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah in Pulau Pinang.

Enquiries:

Taha Rusydi Mohd Nazri

Head, Corporate Communications

Jambatan Kedua Sdn Bhd

012-273 7685

taha_rusydi@jambatankedua.com.my